

# 'Kebajikan rakyat diutamakan'

KUALA LUMPUR, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan, Kerajaan tidak akan mengurangkan peruntukan yang disediakan untuk kebajikan rakyat meskipun ekonomi negara terjejas berikutan keadaan meleset di seluruh dunia.

Setiap janji yang dibuat dalam pilihanraya lalu katanya, akan ditunaikan secepat mungkin walaupun kawasan berkenaan jatuh ke tangan pembangkang.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata, Kerajaan meletakkan keutamaan kepada kebajikan rakyat sebagai tanggung dalam melaksanakan projek-projek yang dirancang.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

"Memandangkan ekonomi dunia yang merosot, hasil timah, getah, kelapa sawit dan minyak telah berkurangan. Ini menjajaskan hasil negara. Oleh itu, Kerajaan mempunyai keutamaan projek yang mana harus didahulukan," katanya.

Berucap di majlis kesyukuran kemenangan Barisan Nasional bagi kawasan Damansara di Dewan Bahasa dan Pustaka di sini, Perdana Menteri menyatakan, projek perumahan, masalah mengatasi banjir, bekalan api, air dan lain-lain adalah antara projek-projek keutamaan yang akan diberikan.

Di Kuala Lumpur, katanya, Kerajaan mempunyai matlamat membina lebih 300,000 unit tambahan rumah menjelang tahun 2,000. Ini bermakna, setiap tahun kira-kira 20,000 unit rumah akan dibina untuk memberi kebajikan yang lebih sempurna kepada rakyat.

Difahamkan, keutamaan perumahan itu juga akan ditumpukan kepada projek-projek rumah kos murah bagi mereka yang berpendapatan rendah dan mereka yang selama ini tinggal di kawasan setinggan.

No. Siri ..... 2712 .....

No. Penerimaan ..... 459/85 .....